

Nusajaya bantu negara capai taraf dunia: PM

BH-24/2/2007.

Pembangunan di Selatan Johor simbol pentadbiran awam cekap

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Abdul Razak Raaff, Md Zin Ali
dan Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin pembangunan Nusajaya di Selatan Johor akan menjadi simbol pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap, setanding dengan wilayah lain yang maju.

Perdana Menteri berkata, pembangunan Nusajaya sebagai pusat pentadbiran baru Johor dan lokasi pelbagai agensi serta jabatan kerajaan Pusat akan menjadikannya hab bagi semua urusan berkaitan kerajaan serta perniagaan.

Katanya, secara simbolik, pusat se-henti bagi pelbagai urusan pentadbiran itu melambangkan hubungan lebih dekat dan padu antara pelbagai fungsi kerajaan di Wilayah Pempa-

ngunan Iskandar (WPI) dan seluruh Johor.

"Kita sedar pembangunan di Nusajaya dan zon lain dalam WPI perlu dibuat mengikut piawaian lebih baik kerana ia harus bersaing dengan destinasi utama dunia untuk menarik pelaburan, pelancongan serta pekerja mahir.

"Piawaian ini perlu diguna pakai untuk semua aspek pembangunan di wilayah ini seperti dari segi infrastruktur, undang-undang dan perkhidmatan awam. Saya percaya ia mampu menjadikan Malaysia bertaraf dunia," katanya ketika merasmikan projek Nusajaya di Gelang Patah, di sini, petang semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Azman Mokhtar; Pengerusi Kumpulan UEM, Datuk Abu Hassan

Kendut dan Pengarah Urusan Kumpulan UEM, Datuk Ahmad Pardas Senin.

Nusajaya, satu daripada lima zon pembangunan teras dalam WPI selain Johor Bahru, Pembangunan Barat dan Timur Johor serta Senai-Skudai.

Kawasan Nusajaya yang dulu bergantung kepada industri pertanian dan perikanan akan bertukar menjadi sebuah metropolis yang dilengkapi infrastruktur bertaraf dunia seperti bandar pendidikan, perubatan, pusat marina Puteri Harbour, pembangunan perumahan dan Resort Destinasi Peranginan Antarabangsa.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 sudah dibentang dan diluluskan Parlimen dan mula berkuat kuasa pada 17

Februari lalu.

Beliau berkata, dalam usaha menarik pelaburan ke WPI, beliau sudah berbincang dengan Abdul Ghani untuk menandingi destinasi dunia lain seperti Dubai, Shenzhen dan Bangalore dengan menawarkan tarikan seperti infrastruktur, undang-undang, pakej insentif serta keberkesanan awam yang lebih baik.

Sementara itu, Abdullah berkata, beliau berpuas hati dengan kemajuan pelaksanaan projek di WPI termasuk pembinaan Nusajaya, malah seluruh kawasan pembangunan di WPI berjalan mengikut jadual.

"Adalah jelas kepada kita semua, pelbagai kemajuan berjaya dicapai sejak kawasan ini dijadikan Nusajaya. Kita harap mudah-mudahan pembangunan yang lebih rancak dapat dicapai pada masa depan," katanya.